

Berdasarkan bahan grafik di bawah dan jawapan ulasan petikan daripada bahan, asingkan penanda wacana, isi tersurat dan isi tersirat dengan mengheretnya ke dalam jadual disediakan.

Ciri-ciri Pengguna Bijak



Membuat senarai barangan



Membandingkan harga barangan



Membayar secara tunai

Sebagai pengguna yang bijak, kita mestilah bijak semasa berbelanja dan mengurus pembelian.

Antaranya, pembeli perlu menyediakan senarai barangan sebelum melakukan pembelian supaya proses membeli-belah dapat dilakukan dengan lebih pantas kerana tidak perlu berfikir tentang barangan yang hendak dibeli sebaik tiba di pasar raya. Seterusnya, pembeli perlu membandingkan harga barangan sebelum melakukan pembelian supaya dapat membantu pembeli mendapatkan barangan dengan lebih murah. Akhir sekali, pembeli digalakkan membuat bayaran secara tunai dan tidak menggunakan kad kredit untuk mengelakkan terbeli barangan yang tidak perlu dan berbelanja mengikut kemampuan diri.

Kesimpulannya, ciri-ciri pembeli bijak wajib kita praktikkan dalam kehidupan harian.

95 patah perkataan

PENANDA WACANA	ISI TERSURAT	ISI TERSIRAT
Antaranya		
Akhir sekali,		

